

Faktor kesalahan bahasa yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Arab

ABSTRAK

Kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa kedua berlaku disebabkan oleh faktor linguistik dan bukan linguistik. Kajian ini bertujuan menghurai punca berlakunya kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab berdasarkan beberapa pandangan ahli linguistik barat. Data kasalahan di ambil daripada pendahuluan beberapa tesis pelajar tahun akhir jurusan bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesalahan pelajar dapat dikategorikan kepada kesalahan disebabkan oleh beberapa faktor linguistik seperti pemindahan antara Bahasa, generalisasi melampau, membuat andaian yang salah terhadap konsep bahasa dan Kejahanan Terhadap Sekatan Peraturan Bahasa. Terdapat juga kesalahan yang berlaku disebabkan faktor bukan linguistik seperti Strategi Pembelajaran Bahasa Kedua dan Strategi Komunikasi Bahasa Kedua.

Keyword: Kesalahan; Bahasa kedua; Faktor linguistik; Faktor bukan linguistik